



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018 SIRI 2 DAN SIRI 3**

1. Pengauditan prestasi terhadap aktiviti jabatan/agensi dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 dan pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan untuk perkenan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bagi tujuan pembentangan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.
3. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 Siri 2 dan Siri 3 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat masing-masing pada 2 Disember 2019 dan 14 Julai 2020. Seterusnya, kedua-dua laporan ini setelah mendapat perkenan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang akan

dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada **12 Oktober 2020**.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Pengauditan Prestasi Terhadap Aktiviti Jabatan Negeri**

- (a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai wang terbaik (*best value for money*).
- (b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 ini, satu (1) pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Negeri Pulau Pinang. Pengauditan adalah mengenai Pengurusan Skim Bantuan Am (SBA) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.
- (c) Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan SBA telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi *outcome* SBA kurang berkesan kerana terdapat peserta yang belum mampu berdikari dan masih menerima SBA. Selain itu, terdapat kelemahan kawalan dalaman

dalam pengurusan wang bantuan yang perlu diambil tindakan penambahbaikan oleh jabatan.

- (d) Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3, satu (1) pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Negeri Pulau Pinang. Pengauditan adalah mengenai Pengurusan Skim Pinjaman Harapan (SPH) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- (e) Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan program SPH telah mencapai objektif bagi menyalurkan modal yang mudah dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil. Namun begitu, objektif bagi penyaluran modal yang cepat kepada peminjam tidak tercapai sepenuhnya kerana terdapat permohonan pinjaman yang mengambil masa sehingga 262 hari untuk diluluskan. Selain itu, terdapat kelemahan pengurusan tunggakan bayaran balik pinjaman dan kelewatan memulangkan simpanan kepada peminjam.

#### **4.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- (a) Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga (3) aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- (b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 ini, pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan di As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ). Secara keseluruhannya, objektif penubuhan ASUZ telah dicapai berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan. Bagaimanapun, tadbir urus

korporat ASUZ berada pada tahap kurang memuaskan dan perlu ditambahbaik. Kutipan zakat menunjukkan peningkatan setiap tahun dari tahun 2015 hingga 2018 dan agihan zakat pula mencapai 94.1% daripada peruntukan yang diluluskan. Kedudukan kewangan ASUZ berada pada tahap stabil dengan trend peningkatan lebih sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut.

- (c) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3, pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan di PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDCTS). Secara keseluruhannya, objektif penubuhan PDCTS sebagai penggerak utama bagi sektor infrastruktur telekomunikasi di negeri Pulau Pinang telah dicapai berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan. Bagaimanapun, aspek tadbir urus korporat PDCTS perlu ditambah baik. Hasil daripada aktiviti utama PDCTS iaitu penyewaan menara telekomunikasi telah menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Selain itu, terdapat tunggakan hasil sewaan dan ketidakcapaian sasaran pembinaan menara telekomunikasi seperti yang ditetapkan. Manakala kedudukan kewangan PDCTS berada pada tahap kukuh dengan merekodkan keuntungan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
5. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan enam

- (6) syor terhadap aktiviti jabatan dan lapan (8) syor terhadap pengurusan syarikat untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
6. Dua (2) jilid Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada **12 Oktober 2020**. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai **12 Oktober 2020** selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
12 Oktober 2020